

RIBA DAN GHARAR DALAM INSURANS: SATU ANALISIS FIQH

Oleh:

Wan Marhaini Wan Ahmad
Asmak Abd. Rahman
Nor Aini Ali &
Azizi Che Seman

Abstract

This paper attempts to exemplify the elements of riba and gharar in insurance which have resulted the contract fasad as declared by the Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Kebangsaan in 1972. It is shown that, both of them pervade insurance conspicuously and convincingly which may elucidate the stand of the fatwa. This paper also looks at their effect on the insurance contract and tries to show how takaful contract dismisses them.

Pendahuluan

Pada Jun 1972, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Kebangsaan telah memutuskan bahawa insurans hayat sebagaimana yang dijalankan oleh syarikat-syarikat insurans yang ada pada masa tersebut adalah satu muamalat yang *fasād* kerana tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam dari segi akadnya, iaitu mengandungi elemen-elemen *gharar*, *maysir* dan riba.¹ Sebelumnya Jawatankuasa tersebut telah mengeluarkan fatwa menyatakan bahawa insurans am iaitu selain daripada insurans hayat adalah harus.²

¹ Cabutan Minit Mesyuarat Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kali ke 5 pada 15 Jun 1972 yang diadakan di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

² Cabutan Minit Mesyuarat Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kali ke 1, pada 1-2 Oktober 1970, di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

Jemaah Ulama Majlis Agama dan Istiadat Negeri Kelantan apabila diminta memersetujui Fatwa Kebangsaan ini, telah mengeluarkan fatwanya sendiri pada September 1972, yang menyatakan insurans nyawa adalah haram kerana sebab-sebab sebagaimana yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Kebangsaan tetapi bagi insurans am, mereka berpendapat bahawa ianya adalah juga haram melainkan jika terdapat keadaan-keadaan yang darurat pada Syarak.³

Artikel ini cuba mengulas dengan lebih lanjut kewujudan dua daripada elemen-elemen berkenaan iaitu riba dan *gharar* dalam insurans dan bagaimana kedua-duanya menyebabkan kontrak ini *fasād*. Bagi mencapai objektif ini, pengenalan maksud riba dan *gharar* diberikan secara sepintas lalu. Sebelum ditunjukkan bagaimana kedua-duanya hadir di dalam sesebuah kontrak insurans, pengenalan ringkas tentang kontrak insurans serta bagaimana ianya beroperasi dikemukakan. Kesan kewujudan kedua-dua elemen terhadap kontrak insurans dan bagaimana kedudukan kedua-duanya dalam kontrak takaful pula dibincangkan pada penghujung artikel.

Riba

Riba dari sudut bahasa bermaksud pertambahan atau lebihan.⁴ Di dalam kontrak pinjaman contohnya, riba merujuk pada premium yang mesti dibayar oleh peminjam kepada pemberi hutang (pemiutang), di samping jumlah pokok sebagai syarat untuk mendapatkan pinjaman atau kerana melewati waktu yang perlu dibayar. Premium ini merupakan lebihan dari pokok yang perlu dibayar oleh peminjam.

³ Cabutan Minit Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama dan Istiadat Negeri Kelantan pada 9 September 1972.

⁴ Ibn Manzūr (1994), *Lisan al-'Arab*, jilid 14. Beirut: Dār Ṣadīr, hh. 304-5.

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadith yang membincangkan riba, antaranya;

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba yang berganda dan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan" (Āli 'Imrān: 130)

"Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata, sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya." (al-Baqarah: 275)

Antara hadith-hadith mengenai riba ialah seperti yang diriwayatkan oleh Jābir r.a. yang bermaksud:

*"Bahawa Rasulullah s.a.w. melaknat pengambil dan pemberi riba, penulis yang mencatat transaksi riba dan saksi-saksi kedua-duanya dan Baginda mengatakan mereka semua adalah sama."*⁵

Para fuqaha' dalam memberikan definisi riba, membahagikannya kepada dua jenis, secara umumnya riba pada jualan dan *ribā al-jāhiliyyah*. Antaranya, al-Qurtubī yang menyatakan bahawa *ribā al-jāhiliyyah* ialah lebihan bayaran apabila penyerahan bayaran dilewatkan dan riba

⁵ Muslim (1981), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, jilid 11. Mesir: al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah wa Maktabuhā, h. 26.

jualan ialah *ribā al-nasi'ah* dan *ribā al-faql*.⁶ Al-Zuḥaylī juga membezakan kedua-dua jenis riba tersebut apabila beliau mendefinisikan riba hutang sebagai lebihan atas harta asal tanpa adanya jual beli dan riba jualan sebagai lebihan harta yang tidak diimbangi dengan tukaran pada kontrak-kontrak pertukaran harta.⁷

Pada umumnya, terdapat dua bentuk riba iaitu riba yang melibatkan hutang wang dan riba jualan barangan tertentu. Riba hutang berlaku apabila terdapat penambahan nilai ke atas sesuatu pinjaman yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman atau dijanjikan oleh penerima pinjaman. Lebihan ini mungkin terdapat pada satu pinjaman wang atau pada bayaran harga tertanggung yang ingin diperlewatkan bayarannya. Riba ini adalah riba yang disebut di dalam al-Quran pada ayat 2 Surah al-Baqarah di atas.⁸ Ia juga disebut dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Ubayd bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "*Setiap pinjaman yang memberikan keuntungan (kepada pemberi pinjaman) adalah satu bentuk daripada riba.*"⁹

Manakala riba jualan pula berlaku apabila terdapat lebihan pada satu pihak dalam pertukaran sesetengah barangan dan matawang, sama ada kerana kuantiti barangan tukaran yang berbeza ataupun perbezaan waktu pertukaran. Riba jenis ini dipetik daripada hadith-hadith mengenainya seperti yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī r.a. katanya:

⁶ Al-Qurtubī, Muhammad ibn Aḥmad (1988), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, jilid 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hh. 127-9.

⁷ Al-Zuḥaylī, Wahbah (2002), *Al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'āṣirah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h. 243.

⁸ Usmani, Muhammad Taqī (2001), *The Text of the Historic Judgement on Riba*. Petaling Jaya: The Other Press, pp. 20-4.

⁹ Al-Bayhaqī (1992), *Sunan al-Kubrā*, jilid 5. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 350.

Kami telah diberikan tamar yang bercampur-campur (daripada rampasan perang) dan menjual dua šā' (gantang) dengan (harga) satu šā' (dengan tamar yang elok). Maka Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dilarang berjual beli dua šā' dengan satu šā' dan dua dirham dengan satu dirham."¹⁰

Gharar

Perkataan *gharar* berasal dari kata dasar *gharara* yang bermaksud mendedahkan diri seseorang atau hartanya kepada kemusnahan secara tidak sedar. Secara umumnya *gharar* bermaksud bahaya, bencana atau risiko.¹¹ Dalam istilah perundangan Islam *gharar* dikaitkan dengan kontrak jual beli yang diharamkan kerana mengandungi unsur-unsur keraguan yang mungkin akan menyebabkan perselisihan antara pembeli dan penjual.

Terdapat nas al-Quran yang memberi panduan tentang perlunya dielakkan keraguan dan risiko yang menjadi punca perselisihan, antaranya seperti;

"Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta orang lain dengan cara yang dilarang, sebaliknya berdaganglah sesama kamu dengan saling redha meredhai..." (al-Nisā': 29)

"Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan, mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabila mereka menimbang untuk orang lain." (al-Muṭaffifin: 1-3)

Manakala nas-nas dari hadith pula lebih menfokus pada

¹⁰ Al-Bukhārī (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jilid 3. Istanbul: Al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 10.

¹¹ Ibn Manẓūr (1994), *op.cit.*, jilid 5, hh. 11-2.

contoh-contoh jual beli yang mengandung *gharar* seperti yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a. bahwa, "Rasulullah s.a.w. melarang jual beli *munābazah* (anak batu) dan jual beli *gharar*."¹²

Diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a. bahwa, "Rasulullah s.a.w. melarang dari *al-mulāmasah* dan *al-munābazah*."¹³

Contoh-contoh kontrak yang mengandung *gharar* seperti yang terdapat di dalam hadith di atas telah menjadi inferen kepada para pakar perundangan Islam klasik dalam memberikan definisi *gharar* masing-masing. Seseorang mereka mengaitkannya dengan ketidaktahuan (*jahālah*) tentang hasil kontrak seperti yang diutarakan oleh Imām Mālik dan Ibn Taymiyyah. Imam al-Syāfi'ī menganggap ketidaktahuan ini menyebabkan adanya unsur bahaya dan Ibn Qayyim pula mengaitkannya dengan apabila seseorang itu gagal menyerahkan barangan yang dijual, atau wujud ketidakpastian sama ada akan menerima atau sebaliknya barangan yang dibeli.¹⁴

Walaupun terdapat pelbagai definisi yang diutarakan, secara umumnya mereka bersetuju bahawa kehadiran *gharar* (sesuatu yang tidak pasti di dalam sesebuah kontrak termasuklah kontrak jual beli) telah menimbulkan keraguan yang seterusnya menyebabkan wujudnya unsur-unsur membahayakan pihak-pihak berkontrak.

¹² Muslim, *op.cit.*, jilid 10, hh. 155-7.

¹³ Bukhārī, *op.cit.*, jilid 3, h. 5, dan *ibid.*, h. 154. *Al-Munābazah* bermaksud jual beli di mana kedua-dua pihak tidak menetapkan barangan yang dibeli tetapi ditentukan dengan lontaran kain atau anak batu. *Al-mulāmasah* ialah jual beli yang terlaksana apabila pembeli memegang barang tersebut.

¹⁴ Al-Darīr, al-Ṣiddīq Muḥammad al-Amin (1995), *al-Gharar wa Atharuh fi al-'Uqūd fi al-Fiqh al-Islāmī*, edisi 2. Mesir: Universiti Khartoum, hh. 30-3.

Ini bertitik tolak daripada matlamat asal sesebuah kontrak diadakan iaitu bagi memindahkan pemilikan, berkongsi keuntungan, menghulurkan bantuan, menjadi wakil atau/dan menjaga keselamatan. Bagi menjaga kepentingan ini, para Fuqaha' telah menggariskan bahawa sesuatu kontrak termasuklah jual beli, sewa, perkongsian keuntungan dan sebagainya mestilah mengandungi kebenaran kedua parti berkontrak dan kontrak itu sendiri mestilah dibenarkan oleh Syarak. Seterusnya syarat-syarat tertentu dikenakan pada elemen-elemen kontrak seperti pihak-pihak berkontrak, *al-ma'qūd 'alayh* dan *ṣighah* kontrak.

Bagi memastikan tidak wujudnya *gharar* atau keraguan pada kontrak yang boleh membahayakan matlamat asal kontrak inilah, syarat-syarat seperti mempunyai pengetahuan yang memadai (*ma'lūm*) mengenai *al-ma'qūd 'alayh* yang meliputi spesifikasi (*ta'yīn*), sifat (*ṣifah*), dan kuantiti (*qadr*), kebolehan untuk diserahkan atau diterima (*qudrah 'alā al-taslīm* atau *tasallum*), dan benar-benar dimiliki oleh yang memulakan tawaran diadakan.¹⁵ Malah sekiranya sesuatu kontrak disertakan dengan syarat yang menyentuh *al-ma'qūd 'alayh* ini, maka syarat itu juga perlu mematuhi syarat utama di atas. Contohnya syarat yang memerlukan harga disertakan dengan barang jaminan. Maka barang jaminan yang disyaratkan juga mestilah mematuhi syarat-syarat utama di atas.¹⁶

Keraguan atau *gharar* boleh hadir di dalam sesebuah kontrak sama ada kerana kejahilan sesuatu pihak berkontrak, atau kesamaran yang wujud pada harga atau/dan barangan yang dikontrakkan. Kejahilan pihak

¹⁵ Ahmad Hidayat Buang (2000), *Studies in The Islamic Law of Contract : The Prohibition of Gharar*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, pp. 3-6, 101-33.

¹⁶ Al-Kāsānī (1910), *Badā'i' al-Ṣanā'i' fi Tartīb al-Syarā'i'*, jilid. 5, hh. 171-2.

berkontrak mungkin timbul akibat tiada pengetahuan yang jelas terhadap elemen-elemen yang dikontrakkan atau disebabkan oleh satu pihak yang sengaja menyembunyikan fakta berkenaan barangan atau harga yang dikontrakkan. Manakala kesamaran boleh berlaku apabila barangan atau harga tidak dinyatakan dengan jelas atau terperinci. Contohnya, suatu kontrak yang membolehkan pembeli mendapat mana-mana barangan yang gambarnya dicabut daripada satu kotak cabutan, setelah membuat bayaran sebanyak RM1,000. Atau satu contoh lain, suatu barangan akan dibeli pada apa-apa harga yang akan ditawarkan oleh penjual pada tarikh tertentu.

Secara dasarnya *gharar* atau keraguan akan wujud pada setiap kontrak tetapi *gharar* yang mampu menyebabkan sesebuah kontrak itu tidak sah ialah *gharar* yang dianggap melampau. Sesetengah Fuqaha' seperti al-Bāji cuba meletakkan satu ukuran bagi menentukan sama ada *gharar* yang terdapat di dalam sesebuah kontrak adalah melampau atau sebaliknya. Beliau menganggap *gharar* adalah melampau apabila kontrak tersebut sendiri mengandungi elemen yang tidak pasti atau *gharar*.¹⁷ Al-Suwailem pula menyatakan jika terdapat tiga perkara berikut, *gharar* akan dianggap sebagai tidak membahayakan iaitu; risiko itu boleh diendahkan dengan kata lain kesan atau kehilangan disebabkan adalah kecil, ia di luar kawalan seseorang dan tidak disengajakan.¹⁸

Unjuran yang paling menarik dikemukakan oleh al-Darīr apabila beliau menyenaraikan empat syarat yang akan membolehkan *gharar* menjadikan sesuatu kontrak jual beli sebagai tidak sah. Pertamanya *gharar* tersebut mestilah melampau dan ini bergantung pada keadaan, masa dan

¹⁷ Al-Darīr (1995), *op.cit*, hh. 591.

¹⁸ Al-Suwailem, Sami (1999), "Towards an Objective Measure of *Gharar* in Exchange", *Islamic Economic Studies*, jilid 7, bil. 1 & 2, pp. 69-71.

tempat. Keduanya, kontrak terlibat ialah kontrak pertukaran dua hala yang melibatkan harta termasuklah jual beli, sewa dan perkongsian. Ketiganya, *gharar* melibatkan komponen utama kontrak seperti harga, barangan, bahasa yang dipakai dan sebagainya. Dan keempat, terdapat kontrak lain yang tidak mengandungi *gharar* seumpama kontrak terlibat.¹⁹

Sifat-sifat Insurans

Insurans ialah sebuah kontrak yang mengikat dua pihak iaitu syarikat insurans yang akan memberi pampasan kewangan sebagai ganti bagi sejumlah wang atau premium yang diterima dari satu pihak lain yang dikenali sebagai pemegang polisi sekiranya berlaku sesuatu peristiwa tertentu seperti kemalangan, kebakaran, kecurian dan sebagainya. Ia adalah satu kontrak jual beli yang mana bagi mendapat jaminan perlindungan kewangan dalam bentuk pampasan daripada syarikat insurans, pemegang polisi berjanji akan membayar sejumlah premium.²⁰

Apabila selesai proses pengunderaitan, syarikat insurans akan menyerahkan dokumen polisi insurans kepada pelanggan atau pemegang polisi. Walaupun dokumen ini yang bertukar tangan namun ia hanyalah satu dokumen perundangan yang menyatakan obligasi syarikat insurans kepada pemegang polisi sekiranya beliau ditimpa kematian atau keilatan. Barangan yang dijual beli ialah jaminan kewangan oleh syarikat insurans kepada

¹⁹ Al-Darīr (1995), *op.cit.*, hh. 583-612. .

²⁰ Vaughan, E & Vaughan T (2003), *Fundamentals of Risk and Insurance*, edisi 9. New York: John Wiley and Sons, p. 159. Lihat Dorfman, Mark S (2004), *Introduction to Risk Management and Insurance*. New Jersey: Prentice Hall, p. 4; Trieschmann James S & Gustavson Sandra G (1998), *Risk Management & Insurance*. Ohio: South-Western College Publishing, p. 123.

pemegang polisi dan harganya adalah premium yang dibayar oleh pemegang polisi. Dengan kata lain ia adalah sebuah kontrak jual beli yang melibatkan pertukaran kewangan antara dua pihak yang berkontrak, walaupun sebenarnya pampasan yang dijanjikan bergantung pada berlakunya peristiwa yang dilindungi.

Terdapat pandangan yang mengatakan kontrak insurans bukanlah kontrak pertukaran wang kerana pemegang polisi membeli jaminan dan ketenteraman jiwa bagi satu tempoh masa hadapan. Jaminan dan ketenteraman ini dianggap tidak berkait dengan wujud atau tidaknya peristiwa yang diinsuranskan kerana berlaku atau tidak peristiwa tersebut, jaminan dan ketenteraman ini masih ada.²¹ Tetapi jaminan ini hanyalah motif atau sebab kontrak insurans diadakan dan ia bukanlah barangan atau harga yang ditukarkan (*al-māl*). Malah sekiranya jaminan itu sendiri adalah *al-māl*, maka akan terdapat dua *al-māl* yang berbeza iaitu satunya, jaminan tanpa pampasan sekiranya peristiwa yang diinsuranskan tidak berlaku, dan jaminan dengan pampasan sekiranya peristiwa itu berlaku.²²

Hujah ini juga akan menolak pendapat yang menganggap jumlah tambahan pampasan ke atas jumlah bayaran premium bukanlah riba kerana ia adalah sumbangan koperatif dan bukan berupa pinjaman. Bagi pendapat ini, premium bukanlah tukaran bagi pampasan sebaliknya suatu harga terhadap perkhidmatan yang akan diberikan apabila peristiwa yang diinsuranskan menjadi kenyataan.²³ Sememangnya kontrak insurans mewujudkan

²¹ Al-Zarqā', Muṣṭafā Aḥmad (1994), *Nizām al-Ta'mīn Ḥaqīqatuhū wa al-Ra'y al-Syar'ī fihī*. Beirut: Muassasah al-Risālah, hh. 51-3.

²² Syaraf al-Dīn, Aḥmad (1981), *'Uqūd al-Ta'mīn wa 'Uqūd Damān al-Istithmār (Wāqī'uhā al-Ḥālī wa Ḥukmuhā al-Syar'ī)*. Mesir: Jāmi'ah 'Ain Syams, hh. 146-7; Al-Zuḥaylī (2002), *op.cit*, h. 265.

²³ Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1990), *Insurans Dalam Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 28-9.

perkhidmatan jaminan kewangan tetapi *al-māl* tadi masih lagi wang pampasan. Lagipun, kontrak insurans adalah kontrak jual beli dan bukannya semata-mata sumbangan koperatif. Pandangan ini juga hanya terpakai sekiranya kita menolak pandangan yang menyatakan wang adalah barangan ribawi dan kesahihan jual belinya tertakluk pada syarat tunai dan dalam nilai yang sama.

Secara umumnya terdapat dua bentuk insurans. Pertamanya ialah kontrak insurans yang membolehkan pemegang polisi mendapat pampasan wang hanya apabila berlaku sesuatu peristiwa. Jumlah pampasan yang diperolehi tidak diukur berdasarkan sejauh mana pemegang polisi tadi mengalami kehilangan kewangan atau sebaliknya tetapi akan dibayar apabila peristiwa tersebut terjadi seperti kematian bagi insurans hayat. Sebaliknya, pampasan bagi satu kelas insurans yang lain diukur berdasarkan tahap kehilangan yang dialami oleh pemegang polisi seperti terdapat pada kontrak-kontrak insurans am seperti insurans kenderaan.²⁴

Kewujudan Riba dan *Gharar* Dalam Kontrak Jual Beli Insurans

Secara dasarnya, kontrak insurans adalah kontrak yang melibatkan pertukaran kewangan dua hala iaitu bayaran

²⁴ Tujuan insurans adalah untuk memberi perlindungan dalam bentuk pembayaran pampasan kepada kerugian yang dialami oleh insured. Oleh yang demikian sekiranya tiada sebarang kerugian, pembayaran gantirugi insurans tidak akan dibuat. Perkara ini terpakai berdasarkan prinsip indemniti dalam insurans iaitu insurer atau syarikat insurans akan membayar gantirugi kepada insured sekiranya berlaku kerugian yang diinsuranskan pada amaun yang tidak melebihi kerugian yang dialami tertakluk kepada perlindungan yang diinsuranskan. Walau bagaimanapun, prinsip ini tidak terpakai bagi insurans hayat kerana nyawa seseorang tidak boleh diukur dengan tepat amaun kerugiannya. Lihat Dorfman, Mark S (2004), *op.cit.*, pp. 152-153.

premium dari pemegang polisi dan bayaran pampasan oleh syarikat kewangan. Oleh kerana barangan tukaran kontrak ini adalah wang dan wang adalah barangan ribawi (bagi pendapat yang mengatakan wang memenuhi sifat emas dan perak sebagai medium pertukaran), maka penukaran wang mestilah mengikut syarat penukaran emas dan perak iaitu:

- i. mestilah pada kadar yang sama, dan
- ii. penyerahan *al-ma'qūd 'alayh* mesti dilakukan dalam masa yang sama.

Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh 'Ubādah ibn al-Şāmit r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*"Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam, (ditukarkan) sesama sendiri, pada kadar yang sama, secara tunai, apabila barangan berkenaan yang berbeza ditukar, maka jual belilah sesuka hatimu selama mana ia adalah pertukaran tunai."*²⁵

Memandangkan premium biasanya dibayar berkala atau sekali gus²⁶ semasa kontrak ditandatangani manakala penyerahan pampasan pula dilaksanakan pada satu masa hadapan bergantung pada berlakunya peristiwa yang dilindungi, maka wujudnya lompong masa antara keduanya dan ini menyebabkan adanya unsur riba. Begitu juga wujudnya unsur riba kerana nilai bayaran premium dan wang pampasan lazimnya adalah tidak sama. Apabila

²⁵ Muslim (1981), *op.cit.*, jilid. 11, h. 14.

²⁶ Bayaran bagi insurans hayat dibayar berkala selama tempoh kontrak seperti bulanan dan suku tahunan. Manakala bayaran premium bagi insurans kenderaan dan kebakaran dibayar sekali dalam tempoh kontrak.

jumlah wang berbeza bertukar tangan antara pemegang polisi dan syarikat insurans, sudah tentu kontrak insurans mengandungi riba. Contohnya bagi insurans hayat, nilai wang pampasan biasanya adalah lebih besar daripada premium yang dibayar oleh pembeli insurans apabila berlaku kematian khususnya pada peringkat awal tempoh polisi. Begitu juga dengan kontrak anuiti yang menjamin pendapatan bulanan selepas persaraan.²⁷ Dan rata-rata premium insurans kenderaan hanyalah sebahagian kecil daripada nilai kereta yang dilindungi. Katakan bagi sebuah kereta baru yang nilai dilindungi berjumlah RM30,000, premium yang perlu dibayar hanyalah sekitar RM1,000.

Riba juga dikaitkan dengan kemudahan "Automatic Premium Loan" yang diberikan kepada pemegang polisi insurans hayat seumur hidup. Kemudahan ini membolehkan syarikat insurans secara automatik membayar premium yang terakru (terlewat bayar) melalui pinjaman dari nilai tunai polisi pemegang polisi terbabit selama mana nilai tersebut mencukupi. Satu kadar faedah tetap sebagaimana tercatat di dalam polisi akan dikenakan.²⁸ Satu kemudahan lain yang diberikan kepada sesetengah pemegang polisi ialah pinjaman berkadar faedah²⁹ daripada syarikat insurans dengan menggunakan

²⁷ Bagi sesetengah syarikat insurans, mereka juga menawarkan anuiti iaitu suatu kontrak di mana syarikat insurans bersetuju untuk menyediakan seseorang dengan pendapatan yang berterusan untuk sepanjang hayat atau pembayaran pendapatan bagi keluarga, sebagai balasan kepada caruman premium yang dibayar sekaligus semasa hampir bersara atau secara berkala sehingga umur persaraan yang dipilih.

²⁸ Nilai tunai atau nilai serahan ialah amaun tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans apabila pemegang polisi membatalkan polisi mereka.

²⁹ Bagi pembeli polisi hayat, mereka boleh memohon pinjaman daripada syarikat insuransnya dan polisinya dijadikan sebagai cagar pinjaman. Amaun maksimum yang boleh dipinjam menyamai amaun penuh nilai tunai polisi. Kadar faedah bagi pinjaman tersebut ditetapkan oleh syarikat insurans pada kadar yang

nilai tunai ini sebagai jaminan. Jumlah pinjaman yang dibenarkan adalah bergantung pada nilai tunai polisi yang berasaskan wang premium yang telah dibayar kepada syarikat insurans.³⁰

Pada contoh yang lain, riba juga wujud dalam bayaran kadar faedah yang diberikan oleh syarikat insurans kepada pembeli insurans di mana polisi yang diambil menyatakan bahawa sebahagian bayaran premium mereka akan dilaburkan oleh syarikat insurans dan satu kadar faedah tetap akan dibahagikan kepada mereka. Umpamanya kadar faedah yang menyamai beberapa peratus daripada bayaran premium bulanan peserta.³¹

Manakala kontrak insurans dikaitkan dengan *gharar* pada empat tempat iaitu:

- i. keraguan tentang tempoh kontrak berlangsung;
- ii. kewujudan kontrak dan pampasan;

tertentu. Faedah yang gagal dibayar akan dicampurkan dengan pinjaman polisi. Sekiranya jumlah pinjaman dan faedah belum bayar melebihi amaun nilai tunai polisi perlindungan insurans akan diberhentikan. Jika insured meninggal dunia sebelum sempat menjelaskan pinjamannya baki pinjaman belum bayar akan ditolakkan daripada faedah kematian yang akan dibayar kepada waris. Contohnya A membeli polisi bernilai RM100,000 dan membuat pinjaman RM20,000. Sekiranya dia meninggal dunia dan belum membayar pinjaman berjumlah RM20,000 warisnya akan hanya dibayar pampasan sebanyak RM80,000. Baki RM20,000 akan digunakan untuk membayar pinjaman kepada syarikat insurans. Lihat Dorfman, Mark S (2004), *op.cit.*, p. 319, Trieschmann James S & Gustavson Sandra G (1998), pp. 465-6.

³⁰ Hiew Kum Yen (2005), *Understanding Life and Medical Insurance in Malaysia*. Malaysia: Hikuyu Services, p. 58.

³¹ Contohnya bagi insurans hayat universal. Satu ciri penting insurans hayat universal yang membezakannya daripada insurans seumur hidup tradisional yang lain ialah kadar faedah yang dikreditkan kepada nilai tunai polisi adalah hampir menyamai kadar faedah semasa tetapi tertakluk kepada kadar minimum contohnya 4, 4.5 atau 5 peratus. Lihat Trieschmann James S & Gustavson Sandra G (1998), *op.cit.*, pp. 451-2.

- iii. pembayaran pampasan; dan
- iv. jumlah pampasan atau premium yang sebenarnya dijelaskan

Memandangkan keraguan atau *gharar* tersebut terkandung pada elemen-elemen asas kontrak insurans, ia akan menyebabkan kontrak tersebut tidak sah. Apatah lagi pada masa sekarang, sudah terdapat kontrak lain yang mampu mengisi fungsi kontrak ini umpamanya takaful.

Kesemua *gharar* ini adalah berpunca dari ketidakpastian peserta-peserta kontrak tentang bilakah peristiwa yang dilindungi akan terjadi dan sejauh mana kesannya pada pemegang polisi semasa kontrak ditandatangani. Masalah ini timbul kerana hasil kontrak insurans itu sendiri dipengaruhi oleh nasib dan jumlah wang yang diberikan oleh setiap pihak adalah berbeza atau dikenali sebagai bersifat aleatori.³²

Bagi menerangkan secara terperinci kewujudan *gharar* dalam kontrak insurans, dikemukakan satu contoh iaitu Badri yang berumur 25 tahun dan telah membeli polisi insurans hayat yang mengandungi butiran berikut:

Nilai polisi	: RM 60,000.00
Tempoh	: 20 tahun
Mod bayaran	: Bulanan
Premium bulanan	: RM 150.00
Peristiwa yang dilindungi	: Kematian atau keilatan.

Polisi ini menyatakan dengan bayaran premium sebanyak RM150 sebulan, waris Badri akan diberikan pampasan sebanyak RM60,000 sekiranya Badri ditimpa kematian sepanjang tempoh polisi iaitu 20 tahun. Sememangnya semasa kontrak ditandatangani, polisi ini memberikan Badri jaminan perlindungan kewangan selama 20

³² Vaughan & Vaughan (2003), *op.cit*, p. 167.

tahun dengan kata lain satu jangka masa yang pasti, tetapi yang menjadi persoalannya ialah jika Badri ditimpa kematian sebelum tempoh ini dan kontrak tersebut akan tamat secara automatik. Dengan ini terdapat dua kemungkinan iaitu kontrak akan berlangsung sehingga ke akhir tahun ke 20 atau ditamatkan sebaik sahaja pemegang polisi meninggal dunia. Jadi apakah sebenarnya tempoh berlangsungnya kontrak, satu tahun, dua tahun atau 20 tahun?

Apabila timbul keraguan tentang tempoh sebenarnya kontrak, maka ia memberi kesan pada jumlah premium yang perlu dibayar oleh pemegang polisi. Jumlah bayaran bulanan sebanyak RM150 tidak menjadi persoalan tetapi jumlah keseluruhan premium yang akan dibayar oleh pemegang polisi semasa beliau menandatangani kontrak tersebut. Sebagai contoh, pada asasnya sepanjang 20 tahun tersebut Badri akan membayar sejumlah RM36,000 ($RM150 \times 20 \text{ tahun} \times 12 \text{ bulan}$) premium kepada syarikat insurans. Tetapi sekiranya Badri meninggal dunia selepas 15 tahun mengambil polisi, jumlah sebenar yang dibayarnya ialah RM27,000 ($RM150 \times 15 \text{ tahun} \times 12 \text{ bulan}$). Keraguan ini akan menyalahi keperluan dinyatakan kadar barang atau harga (*qadr al-ma'qūd 'alayh*) yang jelas bagi memastikan sesebuah kontrak pertukaran sah.

Jika Badri hanya mengalami kemalangan, satu elemen lain iaitu nilai pampasan yang dibayar juga akan turut samar. Ini kerana bayaran pampasan yang diberikan biasanya bergantung kepada setakat mana kecederaan yang dialami. Contohnya jika ia melibatkan kehilangan satu anggota badan katakan sebelah tangan, nilai pampasan yang diberikan adalah berkurangan berbanding jika Badri hilang kedua-dua tangannya. Jumlah pampasan yang berlainan ini mewujudkan keraguan semasa kontrak ditandatangani iaitu jumlah mana yang sebenarnya akan diterima oleh pemegang polisi.

Mungkin akan ditimbulkan bahawa nilai pampasan bagi setiap kecederaan telah ditetapkan semasa kontrak ditandatangani. Jadi, jumlah ini sememangnya telah diketahui dengan jelas dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak berkontrak. Tetapi Syarak menetapkan bahawa hanya satu kadar digunakan sebagai tukaran bukannya beberapa kadar.³³ Dan jika diajukan persoalan kadar manakah antara kadar-kadar yang diberikan akan benar-benar dibayar oleh syarikat insurans, sudah tentu jawapannya, tidak pasti.

Satu lagi keraguan yang timbul pada wang pampasan yang menjadi tukaran bagi bayaran premium ialah sama ada ianya akan dibayar kepada pemegang polisi atau sebaliknya. Kemungkinan pampasan tidak akan dibayar langsung wujud apabila sesuatu kontrak insurans yang ditandatangani tamat tempoh perlindungan. Sebagai contoh, insurans kenderaan bermotor yang memerlukan pelanggan membayar sejumlah wang iaitu premium sebagai ganti pada pampasan yang akan diberikan oleh syarikat insurans sekiranya berlaku sebarang kemalangan kepada empunya kereta, kereta atau pihak ketiga. Pampasan ini hanya akan dibayar sekiranya kemalangan tersebut terjadi semasa dalam tempoh perlindungan biasanya setahun. Sekiranya tidak berlaku sebarang kemalangan, sehingga tamat tempoh perlindungan, pemegang polisi tidak akan menerima apa-apa bayaran. Masalah yang sama juga mungkin dihadapi oleh kontrak insurans bertempoh.

Jadi semasa kontrak ditandatangani terdapat dua kemungkinan iaitu pampasan mungkin dibayar dan juga mungkin tidak. Ini seterusnya akan mempengaruhi status kontrak tersebut kerana salah satu elemen asas kontrak

³³ Sila lihat *bay' al-juzaf* dan *al-muzābanah* dalam Abdullah Alwi Hassan (1994), *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Laws*. Islamabad: Islamic Research Institute, pp. 49 & 53.

iaitu pampasan mungkin tiada dan dengan tiadanya elemen ini, pertukaran yang menjadi matlamat asal kontrak tidak terlaksana. Dengan kata lain tidak wujud kontrak antara kedua pihak tersebut.

Bagi sesuatu kontrak yang melibatkan pertukaran kewangan antara dua pihak yang berkontrak adalah perlu dinyatakan dengan pasti jumlah bayaran bagi barangan atau perkhidmatan yang dikemukakan. Tanpanya sudah tentu unsur *gharar* akan wujud dan menyebabkan kontrak itu tidak sah.

Kesan Riba dan *Gharar* Ke Atas Kontrak Insurans

Seperti yang diketahui, riba di dalam sesuatu transaksi akan menyebabkannya tidak sah dan peserta-peserta kontrak akan menerima hukum haram. Ini dinyatakan secara jelas dari larangan yang terdapat dalam ayat 2 Surah al-Baqarah. Jumlah lebihan sama ada banyak atau sedikit atau tujuan jual beli dilakukan tidak akan mempengaruhi hukum tersebut. Atas dasar ini, dengan adanya riba di dalam pengoperasian kontrak insurans, maka ia menjadikannya sebagai kontrak yang batal.

Kesan *gharar* pada sesuatu kontrak jual beli adalah berbeza kerana *gharar* itu sendiri terbahagi kepada dua tahap iaitu *gharar* melampau (*fāḥish*) dan *gharar* kecil (*yasīr*). *Gharar* kecil adalah ketidakpastian biasa yang terdapat di dalam semua transaksi seperti ketidakpastian sama ada akan mendapat keuntungan atau sebaliknya di dalam perniagaan dan sebagainya. *Gharar* ini tidak akan menjadikan sesuatu kontrak tidak sah kerana ia merupakan ketidakpastian yang mesti ditempuhi oleh semua manusia. Hanya *gharar* melampau yang akan menjadikan sesuatu kontrak yang mengandungnya tidak sah. Dan bagi mana-mana pihak yang berkontrak yang sedar atau sengaja mewujudkan *gharar* tersebut, hukumnya adalah berdosa.

Apabila sesuatu kontrak yang ditandatangani tidak sah, maka terdapat beberapa kesan pada pemilikan harga dan barangan yang ditukarkan. Pertamanya pemilikan asal masih kekal walaupun barangan telah bertukar tangan. Contohnya dalam jual beli kereta yang disembunyikan kecacatannya oleh penjual. Pemilik sebenar kereta masih lagi penjual walaupun harga telah dibayar oleh pembeli. Keduaanya, pembeli yang tidak sedar kecacatan kereta yang dibeli, dalam kes ini berhak menuntut pampasan bagi kerugian yang ditanggungnya untuk tempoh selama mana beliau tidak menyedari kecacatan kereta tersebut.

Pada kontrak insurans, *gharar* wujud secara langsung pada kedua-dua *al-ma'qūd 'alayh* dan menyebabkan keraguan yang jelas pada kewujudan kontrak itu sendiri serta tempoh sepatutnya kontrak itu berlangsung. Malah kontrak insurans itu sendiri terbentuk dari unsur ketidakpastian iaitu peristiwa yang diinsuranskan yang belum atau belum tentu berlaku. Dengan kata lain, *gharar* yang wujud pada kontrak insurans adalah dari jenis *gharar* melampau yang akan menyebabkan kontrak ini tidak sah. Tuntutan pampasan kerugian bagi kontrak ini pula adalah sesuatu yang agak tidak mungkin kerana biasanya kedua-dua pihak berkontrak sedar tentang kewujudan unsur ketidakpastian ini.

Riba dan *Gharar* Dalam Takaful

Berbeza dengan kontrak insurans yang merupakan kontrak jual beli, takaful ialah kontrak yang diasaskan pada konsep sedekah (*al-tabarru'*) dan perkongsian untung (*al-mudārabah*). Dalam takaful, peserta tidak membeli polisi takaful tetapi bersetuju untuk menyumbang sebahagian daripada premium secara *al-tabarru'* bagi menolong sesama peserta takaful. Sumbangan ini akan diletakkan ke dalam tabung-tabung takaful yang berasingan mengikut jenis iaitu sama ada takaful am atau takaful keluarga.

Sebagai contoh, Amin menyertai polisi takaful keluarga dan butiran polisinya dinyatakan seperti berikut:

Manfaat asas	: RM 60,000.00
Tempoh	: 20 tahun
Mod bayaran	: Bulanan
Sumbangan bulanan	: RM 150.00
Peristiwa yang dilindungi	: Kematian atau keilangan
Nisbah Akaun Khas Peserta/ Akaun Peserta	: 13.8% : 86.2% ³⁴
Nisbah pembahagian keuntungan:	70% (Encik Amin) dan 30% (Syarikat)

Bagi setiap sumbangan bulanan yang dilakukan oleh Amin yang berjumlah RM150.00, 13.8% daripadanya iaitu RM20.70 akan dimasukkan ke dalam Akaun Khas Pesertanya (AKP) iaitu tabung yang mengandungi sumbangannya yang diasaskan atas kontrak *al-tabarru'* dan tabung ini akan digunakan untuk membayar segala manfaat kepada para peserta takaful keluarga termasuklah dirinya apabila ditimpa musibah. Selebihnya berjumlah RM129.30 akan dimasukkan ke satu akaun lain dikenali sebagai Akaun Peserta (AP) yang merupakan sumbangan yang diasaskan atas kontrak *al-mudārabah*. Maksudnya, setiap bahagian yang disumbangkan ke dalam akaun ini merupakan simpanan peserta dan jumlah terkumpul di dalam akaun ini adalah 100% hak milik peserta.

Sekiranya Amin meninggal dunia sebelum tempoh tamat polisi, waris Amin akan mendapat manfaat khairat kematian sebanyak RM60,000.00. Katakan Amin meninggal dunia setelah dua tahun menyertai takaful, maka sumbangan sebenar Amin pada tabung takaful ialah sebanyak:

³⁴ Nisbah agihan ini dilaksanakan di Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

$$\begin{aligned}\text{Bayaran Amin} &= \text{RM } 150.00 \times 12 \text{ bulan} \times 2 \text{ tahun} \\ &= \text{RM } 3,600.00\end{aligned}$$

Walaupun jumlah sumbangan Amin berbeza dengan wang pampasan yang diberikan oleh syarikat takaful kepada keluarganya, kontrak ini tidak mengandungi riba kerana wang sebanyak RM60,000 tersebut diterima daripada akaun-akaun peserta takaful keluarga yang masing-masing telah mendedekhkannya pada mana-mana peserta yang menghadapi musibah seperti kematian.³⁵

Kontrak takaful juga tidak menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berkadar tetap seperti automatic premium loan, pinjaman berfaedah bercagarkan nilai tunai dan sebagainya bagi mengelakkan pembabitan dengan transaksi beriba. Bagi bahagian sumbangan yang dilaburkan pula, kontrak *al-muḍārabah* digunapakai dan ini secara langsung mengelak daripada pembahagian keuntungan pada kadar yang tetap. Sebagai contoh, sepanjang dua tahun tersebut sejumlah RM3103.20 (86.2% x RM3600) daripada jumlah sumbangannya sebanyak RM3600 dilaburkan oleh syarikat. Dengan andaian keuntungan yang diperolehi ialah pada kadar 20% setahun, di samping RM60,000 tadi, keluarga Amin akan turut menerima sebanyak RM3537.65 {RM3103.20 [1 + (0.2)(0.7)]} iaitu jumlah pelaburan Amin dan dividen tahunannya selama dua tahun.

Begitu juga sekiranya Amin masih hidup semasa tamat tempoh kontrak, Amin akan memperolehi wang carumannya yang terdapat di dalam akaun peserta. Wang yang terdapat di dalam akaun peserta ialah wang caruman Amin beserta keuntungan *al-muḍārabah* yang diperolehi oleh Amin hasil perkongsian keuntungan dengan syarikat takaful sepanjang tempoh kontraknya.

³⁵ Persetujuan untuk memberi sumbangan *tabarru'* kepada peserta-peserta lain yang ditimpa musibah telah dipersetujui dan dinyatakan dalam borang cadangan dan polisi takaful dengan jelas.

Walaupun terdapat unsur *gharar* pada kontrak takaful seperti yang terdapat di dalam kontrak insurans khususnya dalam jumlah sumbangan yang dibayar oleh pemegang polisi mahupun pampasan yang bakal dibayar oleh syarikat takaful, namun *gharar* ini tidak akan menyebabkan kontrak ini tidak sah. Ini kerana *gharar* itu sendiri hanya berkesan pada kontrak-kontrak pertukaran dua hala, manakala bagi kontrak sehalala seperti *al-tabarru'* ia adalah sebaliknya.³⁶

Penutup

Riba dan kontrak insurans boleh dikatakan seiring kerana barangan dan harga yang dijual beli adalah wang dan wang adalah barangan ribawi. Berdasarkan sifat aleotarnya, risiko berlakunya riba iaitu lebih antara premium yang dibayar dan pampasan yang diterima adalah besar. Dan risiko ini terdapat pada kedua-dua jenis insurans sama ada insurans hayat atau am.

Begitu juga *gharar* dan kontrak insurans, kedua-duanya tidak dapat dipisahkan kerana kontrak ini pada asasnya terbentuk atas unsur-unsur ketidakpastian iaitu bagi memberi jaminan kewangan pada peristiwa-peristiwa yang belum berlaku dan mungkin juga tidak akan berlaku. Ketidakpastian ini menyebabkan bayaran premium dan/ atau pampasan yang ditukarkan tidak diketahui jumlahnya dan ini seterusnya menjadikan syarat-syarat sah kontrak tidak dipenuhi. Dengan kata lain, kontrak insurans menjadi tidak sah. Dan *gharar* sebegini juga wujud dalam kedua-dua jenis insurans sama ada insurans hayat mahupun insurans am.

³⁶ Al-Zuhaylī, Wahbah (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, jilid 4. Damsyik: Dār al-Fikr, hh. 204-5. Lihat juga Rosly, Saiful Azhar & W Ahmad, Wan Marhaini (2003), "A Study of *Gharar* in Insurance and Takaful", *Proceeding Malaysian Finance Association's 5th Annual Symposium*, 23-24 April 2003, Universiti Multimedia Malaysia, pp. 51-66.